

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATO' PROF. DR. AHMAD FARHAN MOHD SADULLAH**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**SEMPENA MAJLIS PELAJAR BAHARU**  
**BERSAMA PENGURUSAN UNIVERSITI**  
**SESI 2024/2025**

**1 OGOS 2024 - 8.30 MALAM**  
**DEWAN BESAR PKKSSAAS UPM**

---

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamu'alaikum Warahmahtulahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia  
Madani

YANG BERBAHAGIA, PROF. DR. ZAMBERI SEKAWI,  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

YANG BERBAHAGIA, PROF. DR. ARIFIN ABDU,  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

YANG BERBAHAGIA, PROF. IR. DR. B.T. HANG TUAH BAHARUDIN,  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT)

YBRS. EN. MAHBOB YUSOF  
KETUA PUSTAKAWAN

YANG BERUSAHA, IR. MAZNAH SAHRAN,  
PENGARAH, PEJABAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN  
ASET

YANG BERUSAHA, PROF. MADYA DR. MARINA MOHD TOP @ MOHD TAH,  
PENGARAH, PUSAT ASASI SAINS UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI, BARISAN PEGAWAI AKADEMIK  
DAN STAF-STAF PUSAT ASASI SAINS UPM SERTA SETERUSNYA YANG  
DIKASIHI PELAJAR-PELAJAR PUSAT ASASI SAINS UPM SESI 2024/2025.

1. Segala puji bagi ALLAH SWT Pentadbir Seluruh Alam, Selawat dan Salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu sekalian rasul dan pembawa rahmat sekalian alam dan syafaat buat seluruh umat.
2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama untuk mengalu-alukan kedatangan pelajar baharu dari seluruh Malaysia dan meraikan kemasukan pelajar ke Program Asasi Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia sesi akademik 2024/2025.
3. Saya selaku Naib Canselor, mewakili seluruh warga UPM ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kerana anda semua telah dipilih untuk melanjutkan pengajian ke Pusat Asasi Sains Universiti Putra Malaysia.
4. *I would also like to take this opportunity to welcome our new international students, 5 of them, who have come from Palestine, Myanmar, Macau, Zambia and United State of America to study here. Thank you for choosing UPM as your foundational education destination.*
5. Kami amat berbangga kerana anda telah memilih UPM sebuah menara ilmu sebagai tempat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pra-universiti.

Saudara dan saudari sekalian,

6. Saya yakin sejak hari pendaftaran yang lalu, sehingga ke pertemuan kita di malam ini, pelbagai aktiviti dan pengisian diatur oleh pihak Universiti dan ASPutra demi membantu proses transisi budaya dan penyesuaian persekitaran baharu anda semua sebagai pelajar di Universiti.
7. Ini adalah peringkat untuk anda menyesuaikan diri dengan suasana pembelajaran di kampus yang sudah tentu sangat berbeza berbanding suasana pembelajaran di peringkat menengah.
8. Tempoh mengikuti Program Asasi Sains Pertanian di ASPutra ini adalah selama dua semester atau setahun. Saya berharap anda akan menggunakan masa dan peluang ini dengan sebaiknya untuk menggilap potensi kecemerlangan akademik mahupun sahsiah.
9. Oleh itu, diharapkan para pelajar dapat mengatasi sebarang dugaan dan cabaran semasa bergelar pelajar ASPutra dan UPM. Tanggungjawab anda sebagai pelajar adalah sangat berat kerana di bahu ada tergalas harapan, terpikul amanah daripada ibubapa, masyarakat, universiti dan negara.

Saudara dan saudari sekalian,

10. Sejalan dengan misi dan visi penubuhan ASPutra, kehadiran anda ke sini menjadi satu tapak untuk saudara dan saudari memulakan perjalanan bagi memperkukuh asas dalam bidang sains dan pertanian sebelum melangkah ke program Ijazah kelak. Suka saya tegaskan peranan penting UPM sebagai institusi pendidikan yang berkait rapat dengan pertanian.
11. Di UPM, pelbagai saluran dan mekanisme disediakan bagi pembangunan profesionalisme pelajar, khususnya dalam membina watak dan keterampilan pelajar bagi melahirkan mahasiswa yang holistik dan berdaya saing dalam mendepani masa depan yang mencabar seperti kesedaran pentingnya keterjaminan makanan serta krisis iklim dunia.
12. Besarlah harapan saya agar saudara dan saudari selaku pelajar baharu UPM menggunakan segala ruang dan peluang semaksimum mungkin semasa setahun tempoh pengajian ini. Galilah ilmu dan timbalah kemahiran bagi meningkatkan potensi diri, daya fikir, bakat berinovasi dan pengalaman yang tidak terbatas dalam disiplin akademik semata-mata, tetapi juga kemahiran insaniah sepanjang bergelar pelajar di UPM.
13. Disamping itu, pihak pengurusan UPM dan ASPutra bertekad akan sentiasa menjaga kebajikan pelajar dan juga memastikan para pelajar tidak kecikiran dalam menggerakkan kecemerlangan demi melakar masa depan yang gemilang.

Para pelajar yang saya kasihi sekalian,

14. Pesan saya dari seorang ayah kepada anak-anak, supaya sentiasa sedar. Sedarlah anak-anak semua, anda adalah pelajar yang terpilih diantara ribuan pelajar yang memohon dari seluruh Malaysia. Kini, peluang dan ruang telah dibentang seluas-luasnya, maka oraklah langkah berani, sentiasa tekun membuat dan memberi, yang terbaik, agar mengecapi kejayaan berbaloi dengan usaha dan ikhtiar diri.
15. Adalah menjadi harapan saya agar semua pelajar dapat memanfaatkan segala ruang, peluang dan kesempatan di ASPutra. Yakinlah, disamping tekad mengecap kecemerlangan akademik dan sahsiah, kembara selama setahun ini juga bakal menjadi suatu lakaran sejarah kehidupan yang membanggakan sepanjang tempoh pengajian anda di Universiti ini. Usaha ini amat penting demi mempertingkatkan legasi kecemerlangan seiringan dengan motto UPM, iaitu 'Berilmu Berbakti'.
16. Akhir kata, syabas dan tahniah sekali serta mulakan langkah pertama ada di UPM dengan niat suci untuk menuntut ilmu, serta bertekad menggalas segala amanah dengan penuh hemah. Kini saya bersedia mendengar dan menyaksikan lafaz ikrar daripada saudara dan saudari untuk secara rasminya bergelar pelajar berdaftar Universiti Putra Malaysia. Selamat Maju Jaya.

Sekian,

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.